



**PENJAGAAN** yang mengikut kepefluan tanaman boleh menghasilkan buah jambu yang manis.

# Penjagaan jambu air madu

**Tips pertanian**



bersama  
**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

Oleh **NORHAIMANSHAH ISMAIL**  
Taman Pertanian Universiti  
Universiti Putra Malaysia



**J**AMBU air madu tergolong didalam keluarga Myrtaceae dan nama botaninya ialah *Syzygium aqueum*. Pokok jambu air madu mudah dibiak dengan menggunakan kaedah pembiakan secara tut (pengakaran).

Kaedah ini amat mudah dilakukan, sama ada menggunakan tanah campuran yang dikepakkan atau menggunakan media pengakaran (*jiffy*).

Kebiasaannya kaedah pembiakan tut mengambil masa antara 30 dan 45 hari untuk mengeluarkan akar dan kemudiannya dipindahkan dalam polibeg kecil sebelum ditanam di ladang.

Penanaman pokok jambu air di ladang, jarak tanaman yang disyorkan ialah 4 meter (m) x 4 m dengan menggunakan sistem segi empat sama, dengan kepadatan pokok bagi sehektar kawasan ialah 625 pokok.

Pokok jambu air mula mengeluarkan buah

secara produktif pada umur satu hingga tiga tahun selepas penanaman, bergantung kepada cara penjagaan.

Penjagaan yang teratur dan sempurna dapat menjamin kualiti buah terbaik dan bermutu tinggi.

Antara klon jambu air yang banyak ditanam di ladang UPM ialah jambu air merah, jambu air hijau, jambu air kristal, jambu air semarang dan lain-lain.

---

**Minggu depan: Belimbing besi**

Segala pertanyaan dan kemusykilan boleh diajukan ke emel:

[norhaimanshah@gmail.com](mailto:norhaimanshah@gmail.com)



## Pengairan

- Penanaman anak pokok pada musim hujan dapat membantu mengurangkan kerja menyiram, dapat mengelakkan kadar peratusan kematian anak pokok, mengekalkan kelembapan tanah dan suhu persekitaran serta membekalkan air secara semulajadi terus kepada pokok.
- Dua kaedah yang biasa digunakan untuk membekalkan air kepada anak pokok iaitu menyiram secara manual (tangan) dan sistem pengairan titis.
- Penggunaan sabut kelapa yang dimasukkan ke lubang semasa penanaman juga dapat membantu menyerap air dan membekalkan air secara semulajadi. Selain itu, sabut kelapa juga boleh menjadi bahan organik apabila reput.

## Kawalan rumpai

- Rumpai yang ditumbuh di keliling pokok perlu dikawal dengan menggunakan cangkul atau racun kimia (paraquat).
- Kawalan rumpai dengan menggunakan racun kimia perlu dilakukan sekurang-kurangnya 3-4 bulan sekali dikawasan ladang yang luas.
- Kaedah penyemburan racun secara bulatan dipraktikkan dimana racun disemur dikelilingi pokok dan *nozzle* semburan perlu dekat pada rumput supaya semburan racun tidak terkena pada pokok.
- Penggunaan sabut kelapa dapat membantu mengurangkan pertumbuhan rumpai disekeliling anak pokok dengan cara menutup penuh keliling pokok serta memastikan tiada ruang untuk rumpai tumbuh di bawah anak pokok.

## Pembajaan

- Baja sebatian/kimia boleh dibahagikan kepada dua jenis yang utama iaitu baja tumbesaran dan baja buah. Baja tumbesaran/daun, iaitu NPK 15:15:15 digunakan pada peringkat awal pertumbuhan (pokok belum matang) dan kekerapan pembajaan ialah empat kali setahun. Untuk kadar baja biasanya berdasarkan kepada umur pokok dan kesuburan tanah.
- Baja buah iaitu NPK 12:12:17:2 pula digunakan apabila pokok mencapai umur matang atau mula mengeluarkan buah.
- Pokok yang mendapat baja yang sempurna dan baik akan mengeluarkan buah yang maksimum dan berkualiti.
- Kekerapan pembajaan bagi pokok yang telah mengeluarkan buah ialah tiga kali setahun mengikut kepada pembahagian kadar pembajaan iaitu 1/3 selepas kutipan hasil, 1/3 selepas daun matang dan 1/3 lagi selepas buah berputik.
- Pembajaan pokok perlu dilakukan pada awal musim hujan dan bukannya musim panas berpanjangan (kemarau) bagi memudahkan penyerapan baja oleh akar dan

mempercepatkan pertumbuhan tunas serta pucuk yang baru.

- Kaedah pembajaan yang boleh dipraktikkan seperti kaedah tabur terus dikelilingi pokok, membuat lubang kecil/poket, kaedah secara parit dan sebagainya. Baja foliar/larutan cecair juga boleh membantu untuk mempercepatkan pertumbuhan vegetatif pokok.
- Penggunaan baja organik dapat membantu menyuburkan tanah, memperbaiki tekstur dan struktur tanah, menambah/menggantikan zat makanan yang hilang dan sebagai penyimpanan air. Kadar pembajaan bergantung kepada umur pokok dan kesuburan tanah.

## Pemangkasan

- Pemangkasan pokok jambu air perlu dilakukan pada peringkat awal pertumbuhan, bertujuan untuk membentuk tumbesaran, mengawal saiz pokok, memperbaiki sistem pengudaraan pokok, mengawal serangan musuh dan perosak serta memudahkan kerja penyelenggaraan.
- Sistem pemangkasan yang sesuai untuk pokok jambu air ialah sistem terbuka tengah yang berfungsi untuk membentuk dan menjaga pokok supaya hidup dengan baik dan cepat berbuah.
- Dalam sistem pemangkasan ini, anak pokok dibentuk dari awal pertumbuhan lagi iaitu bermula selepas 6 bulan selepas ditanam diladang.
- Dalam sistem terbuka tengah ini, terdapat dua jenis pemangkasan yang biasa dipraktikkan iaitu pemangkasan pembentuk pokok kecil dan pemangkasan penjagaan.
- Pemangkasan pembentuk pokok kecil dilakukan dengan membiarkan dua atau tiga dahan utama untuk mewujudkan ranting pembungaan dan pemuahan.

## Kawalan serangga dan perosak

- 1) **Lalat Buah** - Buah jambu diserang pada peringkat buah mula berputik, larva akan mengorek dan merosakkan isi buah.
- 2) **Ulat Pemakan Daun** - Serangan ulat pemakan daun dapat dilihat pada daun yang belum terbuka dan merosakkan daun dan pucuk muda.
- 3) **Kepinding Nyamuk** - Tanda serangan kepinding nyamuk yang jelas ialah kesan luka yang berwarna hitam dan kecil, bentuknya akan menyebabkan luka menjadi bulat, hitam dan berlekuk. Kaedah pengawalan yang berkesan ialah dengan melakukan pemangkasan dan penggunaan racun yang mempunyai bahan aktif seperti Deltamethrin dan Cypermethrin.
- 4) **Bena Putih** - Bena putih dewasa dan nimfa menghisap cairan pada pokok, terutama sekali dibawah permukaan daun serta mengeluarkan cairan yang menyebabkan kulapuk hitam. Kawalan dengan racun yang mempunyai bahan aktif seperti Deltamethrin dan Permethrin.